MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI KHAMIS, 11HB OGOS, 1983, PUKUL 2.30 PETANG

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

*1. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan benar-benar hendak menghentikan semua bentuk Subsidi khasnya kepada rakyat di luar bandar yang belum dapat menikmati sepenuhnya kemajuan pembangunan negara; jika benar nyatakan langkah yang diambil bagi mengatasi masalah yang akan timbul nanti apabila subsidi itu dihentikan.

*2. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada dasar luar negara kita ialah berkecuali; jika benar nyatakan caranya kita mengamalkannya.

*3. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan meminda "PERLEMBAGAAN" untuk menyelesaikan masalah dan untuk memperbaiki kekurangan dan kelemahan dalam Hal Ehwal Pentadbiran Ugama.

*4. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) berapa buah negarakah kita mempunyai kedutaan;

(b) berapa banyak bangunan Kedutaan kita di negara asing yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia; dan

(c) adakah Kerajaan bermaksud mahu mendirikan bangunan Kedutaan kita di negara-negara asing yang belumlagi terdapat bangunan tersebut.

*5. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah usaha Kerajaan agar semua pendatang-pendatang haram Vietnam yang masih ada di Negara ini dapat dikeluar dan diserahkan ke negara-negara yang besar dalam dunia ini.

*6. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kekurangan ubat-ubat di hospital-hospital masih lagi dialami dan apakah usaha dan tindakan Kementerian berkenaan bagi mengatasi masalah ini.

*7. Puan Ragayah Ariff minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada benar pemegang-pemegang biasiswa RISDA yang lulus pengajian di luar negeri menghadapi masalah kerana RISDA tidak dapat memberi pekerjaan kepada mereka sedangkan pihak pengurusan RISDA berjanji akan memberi mereka pekerjaan setelah lulus pengajian untuk berkhidmat dengan RISDA selama 10 tahun.

*8. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai umat Islam yang bersembahyang jumaah di masjid-masjid (waktu maghrib dan Isyak) tidak dapat mengikut siaran warta berita TV pada pukul 8.00 malam dan sama ada Menteri berkenaan bercadang akan mengubahkan waktu berita TV pada pukul 8.00 malam sekarang ini kepada satu waktu lain yang sesuai.

/fh.

*9. Tuan M.K. Muthusamy minta Perdana Menteri menyatakan berhubung dengan pengendalian keretapi, talipon dan Televisyen yang akan diuruskan oleh syarikat-syarikat persendirian, sama ada saham-saham syarikat itu akan dijual kepada rakyat jelata.

*10. Tuan D.P. Vijandran minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar bahawa hanya 5% sahaja dari pekerja-pekerja ladang yang mempunyai tanah mereka sendiri dan jika ya, apakah langkah tegas yang sedang diambil untuk melaksanakan Rancangan Kepunyaan Rumah Pekerja (Worker's House Ownership Scheme) yang telah dilancarkan oleh Kerajaan beberapa tahun lepas.

*11. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan pemberian rawatan perubatan yang percuma kepada pesakit-pesakit Kelas Ketiga.

*12. Dato' Yap Peng minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilangan setinggan-setinggan yang masih menunggu rumah pangsa dan rumah kos rendah dan bilakah masalah setinggan di Wilayah Persekutuan ini akan dapat diatasi.

*13. Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan kerosakan kepada lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dan lebuhraya Timur-Barat (Grik-Kelantan) dan nyatakan anggaran perbelanjaan dijangka untuk membaikinya semula sehingga ke taraf yang selamat untuk digunakan oleh semua lalulintas.

*14. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sebab-sebab mengapa pemilihan pemohon-pemohon rumah harga murah melalui komputer masih menimbulkan banyak masalah.

*15. Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang untuk mengeluarkan satu "Garis Panduan" untuk pakaian guru-guru di seluruh negara supaya tidak ada perbezaan dari segala aspek di antara sebuah negeri dan negeri-negeri yang lain memandangkan sekarang tiap-tiap Jabatan Pelajaran ada membuat garis panduan masing-masing.

*16. Tuan Kee Yong Wee minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab dan tujuan utama syarikat perniagaan akan dibahagikan kepada 3 kategori iaitu Koperasi, Koperasi besar dan Syarikat besar di dalam kajian penggal Rancangan Malaysia Keempat dan nyatakan sama ada ianya akan mempastikan kepentingan syarikat dan koperasi tidak terancam.

*17. Tuan Haji Latip bin Haji Dris minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa rakyat yang berugama Islam kurang yakin atau tidak menerima sistem insuran yang ada sekarang dan jika sedar sama ada beliau akan mengkaji untuk menubuhkan satu sistem insuran ala Islam.

*18. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kemajuan yang telah dicapai oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara dalam usaha meningkatkan mutu barang buatan Malaysia dan diterima di dalam pasaran dunia dan nyatakan juga sama ada teknik baharu dari luar dibawa masuk dan diubahsuaikan.

*19. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah projek untuk mendirikan jejantas untuk orang menyeberangi jalan di Jalan Bangsar kerana masa ini telah banyak berlaku kemalangan dan meragut nyawa manusia.

*20. Tuan Loh Kee Peng minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan peratus sumbangan getah dari keseluruhan ekspot negara bagi tahun-tahun 1981, 1982 dan setengah tahun pertama 1983 setelah langkah aktif menstabilkan harganya dijalankan dan langkah selanjutnya untuk meningkatkan lagi harga bahan itu.

/fh.

*21. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Penerangan menyatakan:

(a) mengapa perlunya bahawa semua berita-berita asing harus disalurkan melalui Bernama; dan

(b) sama ada langkah ini telah dibincangkan dengan berbagai surat khabar dalam negara dan pendapat-pendapat mereka ditentukan sebelum cadangan ini dibuat.

*22. Dato Wong Seng Chow minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Malaysia adalah merupakan negara yang tunggal membayar pencen kepada ahli-ahli politik yang telah bersara seperti Wakil Majlis Negeri, Wakil Rakyat dan Senator-senator, dan memandangkan kepada keadaan ekonomi pada ketika ini, sama ada pembayaran tersebut adalah sesuai dan wajar.

*23. Tuan Basharon Hanafiah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa UDA telah bekerjasama dengan perbadanan-perbadanan kemajuan negeri menubuhkan syarikat yang dinamakan Peruda dan ada di antara bangunan-bangunan yang telah didirikan oleh Peruda di setengah-tengah negeri telah rosak, seperti bocor, condong, dinding retak, lantai pecah dan banyak lagi kerosakannya, pada hal bangunan-bangunan yang tersebut baru saja disiapkan; jika sedar, apa tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan berhubung dengan kerosakan-kerosakan yang tersebut dan jika belum bilakah tindakan akan diambil.

*24. Tuan K. Kumaran minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan negara-negara yang turut menyertai "Pertubuhan Pengeluar Bijihtimah" baru-baru ini, dan tujuan utama pertubuhan itu dan nyatakan sama ada pertubuhan ini akan diperluaskan untuk memasuki lain-lain negara pengeluar bijihtimah dan nyatakan juga kemajuan yang dicapai dalam penentuan harga bijihtimah itu semenjak penubuhan pertubuhan itu.

*25. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) nama-nama sungai yang sedang menghadapi masalah pencemaran air di Malaysia; dan

(b) apakah usaha-usaha positif yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

*26. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada syarat-syarat yang lebih ketat akan dikenakan oleh MARA bagi pinjaman untuk membeli teksi oleh kerana ramai peminjam tidak dapat menjelaskan hutang mereka; jika ya nyatakan syarat-syarat itu dan nyatakan juga sama ada tindakan menarik balik teksi adalah satu daripada syarat-syarat yang dikenakan.

*27. Puan Sri Datin Athi Nahappan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan membuat undang-undang supaya industri-industri dan kilang-kilang akan didirikan di kawasan-kawasan luar bandar untuk memberi peluang memajukan kawasan luar bandar.

*28. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan rancangan masa depan Kementerian bagi melantik jurulatih-jurulatih tempatan sahaja di berbagai bidang sukan negara ini memandangkan bahawa jurulatih-jurulatih dari luar negeri pun gagal untuk meninggikan mutu permainan ahli-ahli sukan kita seperti yang dibuktikan dalam Sukan SEA di Singapura baru-baru ini.

/fh.

*29. Dato' S. Govinda Raj minta Menteri Kerjaraya menyatakan [illegible] kontraktor-kontraktor berdaftar di bawah Kelas A, B dan C mengikut bilangan kaum.

*30. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada pihak beliau akan berusaha mengujudkan satu hari atau minggu Kebajikan disambut pada [illegible] tiap tahun untuk mendekatkan rakyat jelata kepada masalah-masalah yang berkait dengan kebajikan agar dapat pula mereka memainkan peranan yang lebih berkesan dan bermakna pada usaha-usaha yang murni ini.

*31. Tuan M.K. Muthusamy minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan [illegible] telah dicapai oleh HICOM sejak ianya ditubuhkan.

*32. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada satu kajian telah dijalankan untuk mendapat tahu kesan-kesan Rancangan 3M dan jika ya, bolehkah kajian-kajian itu diumumkan kepada orang ramai.

*33. Puan Hajjah Hafsah Osman minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) jumlah guru besar wanita yang terdapat di Semenanjung Malaysia mengikut kaum; dan

(b) nisbah guru besar wanita dengan guru besar lelaki.

*34. Dato' Yap Peng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau puashati dengan pakaian seragam murid-murid sekolah sekarang [illegible] dibandingkan dengan seragam murid-murid di negara-negara lain [illegible] di negara Jepun dan sama ada beliau akan mengkaji perkara pakaian seragam ini dengan tujuan memberi semangat dan perasaan baru kepada murid-murid kita supaya bangga dengan diri dan negara sendiri.

*35. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada satu penyelesaian dapat dibuat di mana penuntut-penuntut luar bandar tidak mampu lagi menaiki bas sekolah sejak tambang bas sekolah disemak dan dinaikkan oleh Kerajaan.

*36. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan kriteria yang perlu supaya projek Sang Kancil atau Nadi dapat dilaksanakan di kawasan setinggan atau kawasan-kawasan yang miskin di Wilayah Persekutuan dan apakah kesan-kesan yang dirasai sejak projek-projek itu dilaksanakan.

*37. Tuan Haji Latip bin Haji Dris minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengganti pesawat BN 2 yang selalu dikapal rosak disebabkan usia pesawat ini sudah begitu lama dengan pesawat Twin Otter bagi perkhidmatan MAS di luar bandar di kawasan-kawasan pendalaman di negeri Sarawak dan Sabah.

*38. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Kerajaan Malaysia berkaitan ura-ura Kerajaan Buruh Negara Australia hendak meneruskan bantuannya kepada Vietnam.

R.

*39. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan tidak menyekat langsung kemasukan pendatang haram Vietnam ke negara ini sehingga jumlah mereka kian meningkat dan kehadiran mereka di sini menjadi masalah kepada Kerajaan kita dan nyatakan sama ada Kerajaan akan membuat penahanan tidak akan membenarkan masuk sebarang pendatang haram dari mana jua.

*40. Tuan Loh Kee Peng minta Menteri Kerjaraya menyatakan sebab-sebab terjadinya keruntuhan jalan di sepanjang jalan lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menyelamatkan lebuhraya itu.

*41. Dato' Wong Seng Chow minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada penyakit wabak kudis di dalam ikan-ikan di sawah-sawah padi adalah disebabkan oleh ubat racun untuk membunuh binatang perosak dan ubat baja yang digunakan. Jika betul, apakah langkah-langkah yang berkesan yang telah disediakan dan diambil untuk membetulkan keadaan sedemikian.

*42. Tuan Basharon Hanafiah minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar, ada syarikat-syarikat swasta yang telah membayar gaji lebih kepada pekerja-pekerja bukan Bumiputra pada hal pekerja-pekerja yang tersebut telah menjalankan tugas yang sama dengan pekerja-pekerja Bumiputra. Jika sedar apakah tindakan yang telah diambil atau akan diambil oleh Kerajaan.

*43. Tuan K. Kumaran minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar Malaysia tidak mendapat pesanan bagi barang-barang ekspot Malaysia secara terus manakala negara-negara ketiga mudah mendapat pesanan itu di Belgrade, Rome, Jeddah, Kuwait dan Abu Bhabi. Jika ya, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

*44. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengadakan insuran bercorak Islam, jika benar nyatakan langkah-langkah awal yang diambil ke arah ini.

*45. Puan Sri Datin Athi Nahappan minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Alam Sekitar menyatakan memandangkan kemerosotan keadaan alam sekitar dari segi kualiti sama ada beliau akan menubuhkan cawangan-cawangan di semua negeri dan daerah di Malaysia untuk mempastikan bahawa kilang-kilang, gedung-gedung perniagaan dan pemaju dapat dikawal dari pencemaran alam sekitar di negeri itu.

*46. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan ekonomi negara pada pertengahan tahun 1983 dan kesan buruk yang dialami oleh negara dalam tempoh kemelesetan ekonomi dunia sekarang ini.

*47. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan tidakkah pihak beliau pernah memikirkan untuk mengujudkan sebuah koperasi orang-orang yang sangat memerlukannya itu.

*48. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada negara kita mempunyai Pakaian Kebangsaan dan bagaimanakah jenis pakaian Kedutaan Malaysia.

R.

*49. Tuan D.P. Vijandran minta Menteri Buruh menyatakan kadar pengangguran warganegara Malaysia, mengikut pecahan kaum.

*50. Tuan M.K. Muthusamy minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan penglibatan kaum bukan Bumiputra yang kurang dalam rancangan di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan sama ada beliau berpuashati dengan langkah-langkah dan tindakan yang dibuat untuk meninggikan taraf ekonomi kaum bukan Bumiputra; jika ya, nyatakan dasar Kerajaan untuk membawa perseimbangan di antara kaum Bumiputra dan bukan Bumiputra atau di antara semua kaum yang menjadi rakyat Malaysia.

*51. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

(a) jumlah rancangan FELDA dan hektar tanah yang akan dibuka menjelang 1990;

(b) jumlah keluarga yang terlibat; dan

(c) sama ada Kerajaan ada rancangan untuk membuka rancangan khusus untuk tanaman buah-buahan sahaja.

*52. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab perdagangan antara negara-negara Asean atau Inter-Asean Trade belum mencapai kemajuan yang memuaskan dan nyatakan usaha-usaha yang telah dan sedang dibuat oleh Malaysia dalam perkara ini.

*53. Tuan Basharon Hanafiah minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan rakyat Sabah dan Sarawak tidak berkeupayaan hendak melawat ke Semenanjung dan begitu juga rakyat Semenanjung, kerana tidak mempu membayar tambang pengangkutan yang mahal dan tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengadakan sejenis pengangkutan yang murah, untuk membolehkan rakyat berulang alik di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

*54. Puan Sri Datin Athi Nahappan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan kesulitan yang dialami oleh golongan pendapatan rendah untuk mendapatkan rumah awam kos rendah, apakah tindakan beliau akan mengambil untuk menambahkan unit-unit rumah awam kos rendah untuk membantu golongan tersebut untuk mendapatkan rumah-rumah murah.

*55. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan bagi tahun 1982;

(a) jumlah hasil cabutan Loteri Kebajikan Masyarakat;

(b) pihak-pihak yang menerima bantuan dari hasil tersebut; dan

(c) jumlah bantuan yang dikeluarkan.

*56. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan-tindakan yang sedang dan yang akan diambil untuk mengatasi kemerosotan industri perumahan yang sedang melanda negara ketika ini.

R.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

1.	(DR. 21/83)	Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) - Menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (8hb Ogos, 1983).	
2.	(DR. 24/83)	Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan)	Bacaan Kali Yang Kedua
3.	(DR. 20/83)	Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan)	"
4.	(DR. 25/83)	Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan)	"
5.	(DR. 19/83)	Rang Undang-undang Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pindaan)	"

/fh.

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

1983		Tarikh dibentangkan
ST.132	Penyata Tahunan MARA 1971	11hb Ogos, 1983
ST.132A	Penyata Kewangan 1971-Institut Teknologi MARA.	11hb Ogos, 1983
ST.133/134	Laporan Pengarah - Julai 1972 hingga Jun 19873 Institut Teknologi MARA.	11hb Ogos, 1983
ST.133A	Penyata Kewangan 1972 - Institut Teknologi MARA.	11hb Ogos, 1983
ST.134/135	Directors Review July 1973 To June 1974 - Institut Teknologi MARA.	11hb Ogos, 1983
ST.134A	Penyata Kewangan 1973 Institut Teknologi MARA.	11hb Ogos, 1983
ST.135A	Penyata Kewangan 1974 Institut Teknologi MARA.	11hb Ogos, 1983
ST.136A	Penyata Kewangan 1975 Institut Teknologi MARA.	11hb Ogos, 1983
ST.137	Laporan Tahunan 1976 Institut Teknologi MARA.	11hb Ogos, 1983
ST.137A	Penyata Kunci Kira-kira Disember 1976 - Institut Teknologi MARA.	11hb Ogos, 1983
ST.206	Laporan Tahunan 1980 Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).	11hb Ogos, 1983
ST.208	Laporan Tahunan 1977 Lembaga Padi dan Beras Negara.	11hb Ogos, 1983
ST.209	Laporan Tahunan 1978 Lembaga Padi dan Beras Negara.	11hb Ogos, 1983

R.

DEWAN NEGARA YANG KEENAM

MALAYSIA

PENGGAL YANG PERTAMA

UCAPAN PENANGGUHAN

Tarikh ucapan dibuat	Perkara	Ahli yang akan berucap	Menteri yang bertanggungjawab
11.8.83	Pembahagian Harta Pesaka dalam Islam	Y.B. Puan Hajjah Hafsah bte Osman	Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri

/fh.